

# Warga UMS Perlu Capai Integriti Tinggi - Tun Zaki

oleh: Johnny Anak Petrus

KHAMIS, 13 MAC – Bersempena dengan Bulan Integriti, Pengerusi Lembaga Pengarah UMS (LPU) Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Seri Zaki Bin Tun Azmi, telah menyampaikan ceramah perdana yang bertajuk “Warga Berintegriti, Universiti Berkualiti” bertempat di Dewan Resital, Universiti Malaysia Sabah.

Tun Zaki telah mentakrifkan integriti sebagai satu sifat jati diri yang merangkumi sifat keterbukaan, ketulusan, berpegang pada prinsip, tidak mudah dipengaruhi, dan juga boleh dipercayai.

Beliau berkata bahawa kakitangan akademik dan pentadbiran termasuk pelajar UMS perlulah berusaha untuk mencapai tahap integriti yang lebih tinggi dalam diri mereka sendiri.

“Untuk menjadikan UMS sebuah universiti yang dihormati, ia perlulah mengamalkan urus tadbir korporat yang baik, kualiti pengurusan, perancangan dan



**Tun Zaki ketika menyampaikan ceramah perdana bertajuk “Warga Berintegriti, Universiti Berkualiti”.**

pemantauan yang baik, memastikan akauntabiliti untuk semua pengurusan kewangan, pelaksanaan dasar-dasar universiti itu mengikut peraturan-peraturan dan mengamalkan ketelusan dalam semua perkara,” kata beliau.

Tambah beliau, usaha UMS mengadakan Tahun Integriti ini tiap-tiap tahun ialah dengan harapan apabila pelajar keluar daripada UMS kelak akan menjadi seorang yang berintegriti.

Beliau menambah, integriti ini adalah bermula dari dalam diri pelajar, kakitangan akademik dan juga pegawai-pegawai tadbir.

Dianggarkan lebih daripada 500 kakitangan dan barisan mahasiswa turut hadir ketika itu. Turut hadir sama, Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah, Pegawai Pendaftaran UMS, Datuk Abdullah Hj. Mohd Said dan pegawai-pegawai utama universiti.